

UPM pupuk kesedaran kitar semula

Oleh Noor Eszereen Juferi
bhvarsiti@bharian.com.my

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) memperkenalkan program *Recycling Rally* bagi memupuk kesedaran penjagaan alam sekitar di kalangan warga kampus mereka melalui kitar semula.

Penasihat program, Fairuz Muchtar, berkata program anjuran Pejabat Pemasaran dan Komunikasi yang julung kali diadakan itu bertujuan membudayakan amalan kitar semula dalam kehidupan warga UPM dan menyokong penyertaan UPM dalam

Green Metric Ranking of World Universities.

"Program ini memperkenalkan sistem *Recycle & Reward* iaitu mereka yang menghantar barang kitar semula seperti kertas, akhbar lama, beg plastik, botol plastik dan barang elektronik akan diberi mata ganjaran oleh Syarikat Recycling Reward Sdn Bhd," katanya pada majlis pelancaran program *Recycling Rally* baru-baru ini.

Wakil syarikat Fuji Xerox Asia Pacific, Marcellinus Frederick Lamhai berkata, program itu perlu diadakan di setiap institusi pengajian tinggi lain bagi mendidik kakitangan dan pelajar

mengenai kepentingan memelihara alam sekitar.

Katanya, pembabitan pelajar penting kerana mereka duta untuk memaklumkan kepada rakan sebaya mengenai usaha seperti ini, yang dipandang ringan oleh golongan remaja.

Selain itu, program berkenaan turut menyediakan aktiviti lain seperti seperti persempahan muzikal istimewa Yayasan Anak Warisan Alam (YAWA), *Eco Drum Circle* yang menampilkan konsep kesenian dan alam menggunakan barang kitar semula ber tema *Recycle Your Music*.



AHLI jawatankuasa program *Recycling Rally*.